

SIARAN AKHBAR

BAGI SIDANG AKHBAR

- 1. PERINTAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PINDAAN), 2010**
- 2. PERINTAH AKTA PEREMPUAN BERSUAMI (PINDAAN), 2010**

KKBS - Satu Sesi Sidang Akhbar anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah diadakan pada hari Selasa, 11 Zulkaedah 1431 / 19hb. Oktober 2010, bermula pada jam: 8.30 pagi, bertempat di Dewan Citra Budaya, Aras bawah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan Lama, Berakas.

Sidang Akhbar tersebut antara lain ialah bertujuan untuk memberikan makluman kepada pihak awam, mengenai pindaan-pindaan kepada Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, 1999 dan Perintah Akta Perempuan Bersuami, 1999 yang sedia ada. Pindaan-pindaan berkenaan ialah untuk melengkapi undang-undang yang telah sedia ada iaitu untuk memberikan perlindungan bagi kes-kes keganasan rumah tangga di Negara ini. Pindaan ke atas dua undang-undang tersebut ialah dengan memasukkan komponen keganasan rumah tangga iaitu pemasukan **Bahagian V A dalam Perintah Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2010** dan pemasukan **Bahagian II A baru dalam Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 2010**. Di dalam Perintah Undang-Undang keluarga Islam, Keganasan Rumah Tangga adalah di bawah Bahagian "Dharar Syar'ie" yang merupakan istilah Bahasa Arab yang membawa maksud Keganasan Rumah Tangga. Kedua-dua Perintah berkenaan menyediakan perlindungan segera, perlindungan di suatu tempat atau institusi, perintah penahanan, perintah pengasingan (restraining order), pampasan dan kaunseling mandatori. Tarikh berkuatkuasa pindaan berkenaan ialah pada 26hb. Jun 2010.

Agensi-agensi kerajaan yang hadir sebagai ahli penal bersama KKBS pada pagi ini terdiri daripada ;

1. Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS;
2. Pejabat Peguam Negara, JPM;
3. Unit Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Pasukan Polis Diraja Brunei, JPM;
4. Mahkamah Besar, JPM;
5. Mahkamah Syariah, JPM;
6. Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU;
7. Kementerian Kesihatan

Turut dijemput menghadiri Sidang Akhbar tersebut ialah Majlis Kesejahteraan Masyarakat Negara Brunei Darussalam, sebagai wakil kepada persatuan-persatuan dibawah naungan Majlis tersebut serta Pertubuhan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. Terdapat 13 buah persatuan wanita dibawah naungan Majlis Wanita seperti ;

(2)

1. Persatuan Pertiwi
2. Persatuan Perkumpulan Perempuan (WI)
3. Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kanan Kerajaan (BISTARI)
4. Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD)
5. Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB)
6. Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), Daerah Belait
7. Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata (BAKTI)
8. Persatuan Siswazah Wanita (PSW)
9. Persatuan Gabungan Kebajikan Wanita, Daerah Tutong (PERGANITA)
10. Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Kampong Lambak (BAKANITA)
11. Persatuan Belia Kampong Lambak (PERBEKAL)
12. Persatuan Wanita Kampong Junjungan (PEWAJA)
13. Persatuan Nurul Islam (PNI)

Adalah diharapkan dengan kehadiran wakil-wakil dari persatuan-persatuan dan media yang dijemput, maka kandungan pindaan-pindaan kepada Akta-Akta berkenaan akan dapat dikongsisama dengan ahli-ahli yang lain khususnya dan kepada pihak awam amnya.

Sidang Akhbar tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sekian.